

RMK-12: Pendigitalan tingkatkan akses pasaran - Mahadhir

September 28, 2021 @ 8:41pm



Ibu pejabat MDEC di Cyberjaya.

KUALA LUMPUR: Penekanan kerajaan terhadap pendigitalan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan memperluas akses pasaran dan memudah cara pelaburan digital yang strategik dan berkualiti, menurut peserta industri.

MDEC berpandangan RMK-12 juga merangkumi usaha meletakkan kedudukan Malaysia sebagai pusat digital ASEAN, memandangkan negara mempunyai kelebihan dalam penyelesaian keselamatan siber dan produk kandungan digital pada masa ini.

"MDEC akan meningkatkan usaha perusahaan mikro serta kecil dan sederhana (PMKS) untuk menerima guna teknologi digital dalam pengeluaran, pemprosesan dan perkhidmatan perniagaan, terutama membabitkan operasi perniagaan di belakang tabir," jelasnya dalam kenyataan pada Selasa.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MDEC, Mahadhir Aziz berkata fokus dalam pendigitalan PMKS dan meletakkan kedudukan Malaysia sebagai pusat digital ASEAN menerusi RMK12 telah mengesahkan impak daripada inisiatif berkembar MDEC iaitu #SayaDigital dan Nadi Digital ASEAN.

"Kami akan terus melaksanakan inisiatif untuk mencapai ekonomi digital yang progresif dan inklusif selaras dengan visi kami dan juga matlamat MyDIGITAL," katanya dalam kenyataan yang sama.

Sementara itu, Naib Presiden dan Pengurus Besar Hitachi Vantara ASEAN, Joe Ong berkata RMK12 akan menyediakan persekitaran digital yang mesra dan maju di samping menggalakkan pembangunan infrastruktur digital untuk menjadikan Malaysia sebagai hab digital.

"Malaysia mencatatkan peningkatan ketara permintaan terhadap ketersambungan yang lebih baik, dan kami yakin kerajaan membuat langkah yang tepat apabila melabur RM15 bilion untuk mempercepat pelaksanaan 5G di seluruh negara," katanya dalam kenyataan.

Presiden Pertubuhan Pengilang Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA), Dr Supramaniam Shanmugam pula berkata industri sarung tangan getah Malaysia bersedia untuk berkembang lebih jauh menerusi inovasi, automasi dan pembangunan kapasiti yang akan disokong oleh amalan baik dan tadbir urus berkaitan sektor pembuatan sarung tangan.

Beliau berkata RMK-12 sewajarnya menjadi langkah inklusif industri dengan instrumen untuk menyokong peserta industri melabur dan melabur semula ke dalam pangkalannya di Malaysia, mengorak laluan ke hadapan untuk Malaysia muncul sebagai pusat inovasi sarung tangan getah dunia.

"Pembuat global terkemuka di Malaysia membuat pelaburan besar untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) inovasi produk terkini serta kecanggihan teknologi bernilai tinggi dalam pengeluaran dengan penggunaan kecerdasan buatan, data raya dan teknologi lain.

"Ia bertujuan mempertingkatkan automasi dan mengurangkan jam bekerja dan penggunaan tenaga manusia dalam pengeluaran sarung tangan," katanya dalam kenyataan.

Presiden dan CEO Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC), Mohd Yazid Ja'afar berkata RMK12 menyasar untuk memulihkan momentum pertumbuhan negara menerusi pemerkasaan kembali semua sektor ekonomi sekali gus menjadi petanda baik bagi industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE).

Beliau berkata kerajaan memberi penekanan besar terhadap pengukuhan industri OGSE dalam RMK12 memandangkan peranan industri ini dalam merealisasikan matlamat RMK12 untuk memperkukuh daya saing negara agar menjadi lebih berdaya tahan dan peserta mampan di peringkat global.

"Ini dibuktikan dengan pelancaran Pelan Tindakan Industri OGSE Kebangsaan 2021-2030 awal tahun ini, yang menyasar untuk meningkatkan daya saing, kecekapan dan kemampuan teknologi dalam kalangan peserta OGSE tempatan," katanya.

– Bernama